



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



BULETIN KKMKG

e-ISSN 2716-5639

BULAN APRIL 2020

EDISI KHAS COVID-19

Berita di dalam

Penutupan Kolej	3
Kebajikan Pelajar	4
Food Bank Siswa	5
Tabung Covid-19 KK Sarawak	6
Penghantaran Pelajar Pulang	7



POLITEKNIK MALAYSIA **KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

PENANGKAPAN AKTIVITI / PROGRAM ANJURAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI, POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI YANG MELIBATKAN PENYERTAAN YANG RAMAI EKORAN PENULARAN WABAK COVID-19

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi penularan COVID-19 seluruh dunia pada 11 Mac 2020, adalah di tahap PANDEMIK. Pada tarikh yang sama, Kementerian Kesehatan Malaysia (KKM) juga mengesakan agar semua pertunjukan yang melibatkan orang ramai (mass gathering) ditangguhkan bagi mengurangkan kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku.

Selhubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKK) mengesakan agar semua pertunjukan seperti yang dinyatakan di atas yang dianjurkan oleh Bahagian di JPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti DITANGGUHKAN atas faktor keselamatan dan kesihatan.

Seluruh warga JPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti adalah diingatkan untuk menjaga keselamatan dan keselamatan masing-masing - masing selama mana penularan wabak ini berlaku dan diarahkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai COVID-19 melalui laman sesawang KKM.

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPKK) PUTRAJAYA
12 MAC 2020

JABATAN PENDIDIKAN AWAM

ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH UNTUK PENJAWAT AWAM DAN PENUTUPAN PREMIS KERAJAAN

- Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menentukan
 - perkhidmatan penting (essential services) di Kementerian/Jabatan
 - pegawai yang terlibat untuk hadir bertugas
- Pegawai perlu memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bertugas.

Maklumat lanjut, sila rujuk QR

JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

BILIK GERAKAN CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BEROPERASI SETIAP HARI 24 JAM

Sila hubungi talian **HOTLINE** berikut untuk sebarang pertanyaan

03-8870 6777
03-8870 6949
03-8870 6628
03-8870 6623
03-8870 6124

covid19kpt@moe.gov.my



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

NOR DALILA BINTI ABD RAHMAN

Pengarah

Kolej Komuniti Mas Gading

KETUA PENGARANG

IZAWATI BINTI ENI

Pegawai Penerangan

Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas Gading

FOTO & BAHAN

MOHD SAIFUL FADLI BIIN MAIDEN

MOHD SAHAR BIN SULAIMAN

PENGEDARAN

MENO PATRICK BAI

MONICA CONNIE WILLIAM MIRROT

PENUTUPAN KOLEJ KOMUNITI MAS GADING

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac telah dibuat di bawah Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Antara yang termaktub dalam Perintah Kawalan Pergerakan ialah penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam/swasta/institusi latihan kemahiran. Oleh yang demikian semua aktiviti di KKMKG telah ditangguhkan sehingga perintah tersebut ditarik balik.

Serentak dengan pengumuman PKP, pihak pengurusan berusaha sedaya upaya untuk memastikan kebajikan pelajar sentiasa diberi perhatian khususnya pelajar yang menyewa di sekitar kolej. Pelajar-pelajar yang berasal jauh dari kampung halaman dan terperangkap di rumah sewa masing-masing dikenal pasti dan direkodkan dalam laporan agar kebajikan mereka terpelihara.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan kolej mengambil langkah proaktif dari awal dengan menyalurkan bantuan makanan kepada para pelajar berkenaan. Pensyarah yang berdekatan dengan pelajar juga telah mengambil tanggungjawab untuk sentiasa berada dalam mod sedia (*standby mode*) sekiranya berlaku kecemasan.

Pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran juga telah ditangguhkan mengikut arahan semasa daripada pihak ibu pejabat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).





KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BILIK GERAKAN

CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BEROPERASI SETIAP HARI

24 JAM

Sila hubungi talian **HOTLINE** berikut
untuk sebarang pertanyaan

03-8870 6777
03-8870 6949
03-8870 6628
03-8870 6623
03-8870 6124

covid19kpt@moe.gov.my

OPERASI BILIK GERAKAN KPT 24 JAM 7 HARI SEM- INGGU

Berdedikasi dan sedia membantu. Inilah semangat dalam menjalankan tugas oleh pegawai – pegawai yang bertugas di Bilik Gerakan COVID-19 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Bilik gerakan ini mula beroperasi seawal 10 Februari 2020. Masa operasi mereka dipertingkatkan ke 24 jam bermula 18 Mac 2020.

Dengan kekuatan seramai 8 orang pegawai bagi setiap sesi, bilik gerakan ini bertindak sebagai nadi dan sumber utama KPT bagi mendapatkan maklumat dan status terkini para pelajar IPTA/IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh negara serta pelajar Malaysia di luar negara.


Di sini, data pelajar yang berada di kampus dan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk mereka dikemaskini secara langsung.

Menurut penyelaras Bilik Gerakan KPT, YBrs. Prof. Dr. Rahmah Ahmad H. Osman, para pelajar IPT yang mempunyai sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkaitan status pelajar semasa Arahan Kawalan Pergerakan kerana jangkitan penyakit COVID-19 ini boleh menghubungi talian hotline yang disediakan. Sebarang pertanyaan akan cuba diselesaikan oleh pegawai yang bertugas bagi sesi yang telah ditetapkan.

Sumber: FB Kementerian Pengajian Tinggi

Kebajikan Pelajar Yang Terkandas

Pada minggu pertama PKP seramai 7 orang pelajar telah dikenal pasti berada di rumah sewa yang berhampiran dengan kolej. Pihak pengurusan kolej telah mengambil inisiatif dengan menyalurkan bantuan keperluan asas makanan seperti beras, telur, minyak, mi segera, gula, biskut, minuman dan makanan kering yang lain.



BANTUAN PELAJAR

Antara pelajar yang terkandas tidak dapat balik ke kediaman keluarga masing-masing.

Sumbangan Food Bank Siswa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah penyelaras Program Food Bank Siswa antara penyumbang dan rakan strategik penggerak. KPDNHEP menerima sumbangan untuk diserahkan kepada kumpulan sasar. Kolej Komuniti Mas Gading juga telah menerima sumbangan untuk para pelajar yang terkandas semasa PKP.



BANTUAN PELAJAR

Antara pelajar yang terkandas tidak dapat balik ke kediaman keluarga masing-masing.

Tabung Covid-19 KK Sarawak

22 April 2020

Sumbangan Tabung Bantuan Covid -19 Kolej Komuniti Negeri Sarawak kepada pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM Sarawak) telah disampaikan oleh Pengarah Kolej Komuniti Mas Gading, Puan Nor Dalila Binti Abd Rahman dan Pengarah Kolej Komuniti Santubong, Encik Abdullah Latep bin Haji Mustapha bertempat di Ibu Pejabat APM Sarawak.

Turut hadir pada sesi penyerahan tersebut Timbalan Pengarah Pengurusan KKM, En. Mohd Saifl Fadli bin Maiden dan wakil Kolej Komuniti Kuching.



TABUNG COVID-19

Sesi penyerahan sumbangan berlangsung di Ibu Pejabat APM Sarawak

Penghantaran Pelajar Pulang Ke Kampung Halaman


Pengumuman Majlis Keselamatan Negara mengenai penghantaran pulang pelajar IPT ke kampung halaman masing-masing amat melegakan para pelajar yang terpisah daripada keluarga semenjak PKP dijalankan. Dua orang pelajar KKMKG yang berlepas ke Bintulu pada 1 Mei 2020 melalui perjalanan darat dengan menaiki bas yang telah disediakan di pusat pelepasan UNIMAS telah selamat ke pangkuan keluarga masing-masing. Mereka juga telah diarahkan untuk kuarantin diri selama dua minggu di kediaman masing-masing setelah sampai ke destinasi.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
GARIS PANDUAN
PENGHANTARAN PULANG PELAJAR-PELAJAR
IPT KE KAMPUNG HALAMAN

- 01** Penghantaran secara berperingkat mulai 27 April 2020.
- 02** Penghantaran pelajar dari zon hijau ke zon hijau sahaja mengikut prosedur rapi yang telah ditetapkan.
- 03** Pengangkutan disediakan oleh pihak kerajaan.
- 04** Pelajar dikehendaki memakai penutup hidung dan mulut di sepanjang perjalanan.
- 05** Amalkan aspek kebersihan mengikut nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- 06** Saringan gejala sebelum menaiki kenderaan.
- 07** 20 orang pelajar bagi setiap bas (*social distancing*).
- 08** Setiap bas diiringi oleh seorang Pegawai Perhubungan (*Liaison Officer*).
- 09** Bas tidak dibenarkan berhenti untuk urusan makan dan minum (disediakan). Hanya 15 minit diperuntukkan untuk tujuan ke bilik air.

Hotline Bilik Gerakan KPT
03-8870 6777 / 6949 / 6628 / 6623 / 6124

MOHEOfficial @MOHEOfficial mohe.official



IKLAN KEMASUKAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI MAS GADING



SESI AKADEMIK 2020 /2021


Syarat Minimum: Lulus SPM & Warganegara Malaysia



KEMENTERIAN KESEHATAN MALAYSIA

Endemik, Epidemik dan Pandemik?

Tiga perkataan ini kerap digunakan untuk menunjukkan betapa seriusnya sesuatu penyakit menular, namun ia membawa maksud yang berbeza.



Endemik

(En-demik =
Di dalam – daerah/orang)

Kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau tempat. Penyakit ini dijangka sentiasa ada kes dan pada kadar yang stabil serta rendah.

Contoh :

Denggi adalah penyakit endemik di Malaysia.

Epidemik

(Epi-demik =
Di kalangan-daerah/orang)

Kejadian penyakit naik mendadak melebihi kadar biasa dan dilihat jelas dalam komuniti dalam tempoh masa tertentu. Ia juga dikenali sebagai 'Wabak'. Sebagai contoh, jangkitan demam kepialu pada 2 kes yang saling berkait di anggap wabak/ epidemik.

Contoh :

Wabak COVID-19 yang sedang berlaku di beberapa buah negara dan kejadian Polio di Sabah (2019)

Pandemik

(Pan-demik =
Semua-daerah/orang)

Kejadian wabak besar-besaran ke seantero dunia

- Merentasi wilayah dan melibatkan populasi yang besar. Kebiasaannya melibatkan jangkitan penyakit baharu (Novel).

Ciri pandemik adalah melibatkan kadar serangan yang tinggi dalam masa yang singkat. Ia melibatkan sebaran yang pantas dan menyebabkan kadar kematian yang tinggi

Contoh :

Kejadian 'Black Death' diantara kurun ke 14 hingga kurun ke 17 yang melibatkan kematian 2/3 penduduk dunia (Penyakit hawar/Yersinia pestis)



Diterbitkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Kolej Komuniti Mas Gading
Lot 742-750 Of Parent Lot 726
Bau Town District
94000 Bau, Sarawak
Tel: 082-763730
Faks: 082-763731
kkmg@kkmas.edu.my
<http://kkmasgading.mypolycc.edu.my/>

Hak Cipta © Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas
Gading

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana- mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku
ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada
secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan cara lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Unit Perhubungan
Awam, Kolej Komuniti Mas Gading, Bau Sarawak.

KOD JALUR / BARCODE

eISSN 2716-5639

